

Peralihan kuasa harmoni kecewakan pembangkang — Ali

UM 22 SEP 2003

JASIN 21 Sept. — Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, parti pembangkang di negara ini sudah tentu merasa kecewa kerana corak peralihan kuasa yang diamalkan Barisan Nasional (BN) sejak zaman kemerdekaan lalu berlaku dalam keadaan harmoni dan direstui rakyat.

Menurutnya, parti pembangkang sememangnya kecewa kerana tidak berlaku sebarang kekecohan atau huru-hara selepas Perdana Menteri, yang juga Presiden BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan peralihan kuasanya kepada timbalan beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada akhir bulan depan.

“Mereka (parti pembangkang) menyangka akan berlaku huru-hara, seperti yang berlaku di negara-negara lain apabila peralihan kuasa dilaksanakan di negara mereka tetapi tidak berlaku di negara ini yang dipimpin oleh kerajaan BN.

“Malah, corak peralihan kuasa yang diturunkan sejak zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman berjalan lancar

dari satu generasi sehingga ke generasi baru pemerintahan hari ini,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis habis Jogging Perdana melaka Sihat bersama Ketua Menteri dekat Dataran Jasin, dekat sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri pada majlis perhimpunan raksasa sempena Ulang Tahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka, semalam, yang melahirkan rasa gembira beliau kerana tiada berlaku sebarang perebutan kuasa apabila pengganti-

nya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih kepemimpinan negara akhir bulan depan.

Kata Ketua Menteri, corak peralihan kuasa tersebut turut mendapat sokongan dari parti komponen BN yang lain dan tidak menjadi masalah besar kepada BN untuk meneruskan pemerintahan cara itu pada masa-masa akan datang.

Sementara itu, pada majlis tersebut, dianggarkan 2,000 orang membanjiri Dataran Jasin untuk menyertai program jogging Melaka Sihat Bersama Ketua Menteri yang bermula kira-kira pukul 7 pagi.

Program itu dianjurkan bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat di kawasan Jasin pada satu acara sukan serta memberi kesedaran untuk menjaga kecergasan diri.

Orang ramai yang menyertai program tersebut dikehendaki berlari sejauh tiga kilometer yang bermula dan berakhir di Dataran Jasin serta melalui kawasan sekitar bandar Jasin.